



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Media

Kuala Lumpur, 8 Jun 2023

### **MILO Galakkan Keseimbangan Antara Sukan dan Akademik Untuk Memacu Perkembangan Anak-Anak Muda Malaysia**

*Juara Sukan Izzah Amzan menjadi tumpuan dalam Forum 'Sports Is A Great Teacher'*

**PETALING JAYA, 8 Jun 2023** – Didorong oleh kepercayaan yang kukuh bahawa sukan ibarat guru hebat, MILO bertekad menyebarkan idea bahawa nilai-nilai yang dipelajari menerusi sukan boleh diterapkan dalam kehidupan berasaskan falsafah, "Take on Sports Today, Take on Life Tomorrow" atau "*Hari Ini Gigih Bersukan, Hari Esok Kuasai Kehidupan*". Sejarar dengan matlamat ini, jenama tersebut telah menerajui pelbagai inisiatif dan program sukan yang memberi tumpuan menyemai nilai-nilai penting sepanjang hayat, yang boleh membantu kanak-kanak berkembang maju dan melangkah jauh dalam menunaikan pelbagai tuntutan dan tanggungjawab yang bakal dipikul dalam hidup mereka.

Antara inisiatifnya termasuk MILO® Champions Clinic, iaitu program sukan menyeluruh untuk kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun, yang memberikan pendedahan awal dan latihan kemahiran di bawah tunjuk ajar dan bimbingan jurulatih profesional. Sebagai sebahagian daripada MILO® Champions Clinic tahun ini, "Sports Is A Great Teacher Forum" atau "Forum Sukan Ibarat Guru Hebat" memberi peluang unik kepada bakal-bakal juara muda untuk mempelajari sedikit sebanyak daripada atlet muda terkenal yang cemerlang dalam kedua-dua bidang sukan mahupun akademik, dan juga menekankan peranan penting yang dimainkan ibu bapa dan pendidik untuk memupuk perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh.

Forum tersebut menampilkan atlet gimnastik artistik, Izzah Amzan, bersama ibunya, Puan Hazira Hamsah, dan Encik Zainuren bin Hj. Mohd Nor, Pengarah Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (SCAD), Kementerian Pendidikan (MOE), yang berkongsi pandangan dan maklumat bermakna tentang topik ini.

Lim Kerwin, Pengurus Pemasaran Sukan – MILO, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Sejak 70 tahun yang lalu, MILO telah membina warisan kukuh untuk menyokong sukan di peringkat akar umbi dan pembangunan sukan negara untuk melahirkan juara negara. Bagi kami, menjadi seorang juara itu menjangkau kecemerlangan dalam bidang sukan. Ini termasuk kemahiran dan nilai berharga yang boleh disemai oleh kanak-kanak menerusi sukan dan diterapkan dalam kerjaya dan kehidupan peribadi masing-masing. Ini adalah sejajar dengan inisiatif Sukan Nadi ABC Kementerian Pendidikan, yang menekankan sukan sebagai faktor asas dan pendorong utama dalam usaha memupuk disiplin, tatamoral yang baik dan integriti dalam kalangan pelajar.”

Encik Zainuren bin Hj. Mohd Nor mengulas, “Bakat luar biasa disemai dengan kesungguhan pelajar, sokongan ibu bapa dan guru yang berdedikasi. Sukan boleh membantu memupuk daya saing, kecekalan dan ketahanan – iaitu ciri-ciri kepimpinan yang penting. Sebagai seorang bekas atlet, saya percaya sukan boleh memperkasakan individu untuk memimpin diri sendiri, keluarga dan juga komuniti mereka. Dalam usaha menyokong perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh, kita mesti mengimbangi pertumbuhan fizikal, emosi, sosial dan intelektual tanpa mengehadkan potensi mereka.”

Turut menyuarakan pandangan yang sama, Puan Hazira Hamsah menekankan, “Penting untuk kita utamakan keperluan kanak-kanak dan mendalami isi hati mereka supaya kita dapat memahami mereka dengan lebih baik. Usaha menyokong cita-cita anak saya menjadi atlet memerlukan saya mencabar diri sendiri untuk mengikuti kursus kejurulatihan dan menuntut ilmu tentang pemakanan yang baik di samping menemani Izzah ke pelbagai sesi latihan dan pertandingan.”

Semasa berkongsi pengalamannya, Izzah Amzan berkata, “Ada ibu bapa yang berpendapat kita tidak boleh melangkah jauh dalam kehidupan dengan sukan, yang mana sama sekali tidak betul. Sukan boleh membentuk anda menjadi individu berkualiti. Dedikasi kedua-dua ibu bapa saya memainkan peranan penting dan pendedahan kepada sukan-sukan berbeza membantu saya berfikir secara strategik. Saya juga bersyukur kerana mempunyai guru-guru yang menggalakkan kemajuan

saya dalam bidang sukan dan juga akademik. Saya belajar tentang pentingnya mengimbangi kedua-duanya, serta menggunakan bidang akademik sebagai jaringan keselamatan. Saya percaya jika anda mendukung wawasan yang jelas, anda mampu mencapai kecemerlangan dalam sukan dan juga akademik.”

Forum ini juga menekankan usaha Kementerian Pendidikan dalam menyokong pelajar yang cemerlang dalam bidang sukan menerusi *Program Penggalakan*, yang menyediakan modul komprehensif dengan sasaran yang boleh disesuaikan untuk memenuhi pembangunan atlet pelajar.

“Kami berharap dengan penganjuran forum ini serta inisiatif sukan lain di peringkat akar umbi, kami dapat memberi penekanan tentang peranan penting yang dimainkan oleh guru-guru dan ibu bapa dalam membentuk individu serba boleh yang bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan menerusi pengajaran penting yang ditimba dari pembelajaran sukan”, rumus Lim Kerwin.

###

### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kelazatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unik 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

+6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

**Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010-426 5857 (Deepa) atau

+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)